

13 JUN 1996

Razaleigh - UMNO

SEMUA ANGGOTA MT S46 SOKONG SERTAI UMNO, KATA RAZALEIGH

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Majlis Tertinggi Parti Melayu Semangat 46 (S46) menyokong supaya anggota parti itu menyertai semula UMNO bagi penyatuan bangsa Melayu, kata Presiden parti Tengku Razaleigh Hamzah hari ini.

"Walaupun Majlis Tertinggi mempunyai mandat, mereka tidak akan berbuat sesuatu sehingga mendapat persetujuan Perhimpunan Agung parti November ini," kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan majlis itu di sini.

Katanya, pemimpin pusat S46 akan menemui pemimpin negeri dan anggota akar umbi bagi menjelaskan mengenai perkembangan terbaru dan hasil perbincangannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno.

"Maklumat balas hasil perjumpaan ini akan dirumuskan untuk dibentangkan pada Perhimpunan Agung S46 nanti," katanya.

"Jika majlis penerangan atau perjumpaan ini berjalan lancar, kita boleh mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa dan bolehlah kita menyertai Umno secara beramai-ramai tanpa kehilangan keistimewaan yang dinikmati oleh anggota UMNO," katanya.

Tengku Razaleigh berkata sesetengah anggota S46 masih keliru dengan hasrat parti itu kerana pelbagai pandangan dan laporan yang diperolehi.

Katanya, hasrat S46 untuk menyertai UMNO bukanlah kerana muslihat tertentu, kepentingan diri atau mendapatkan kedudukan.

Langkah itu ialah berdasarekan hakikat UMNO merupakan parti Melayu yang terbesar dan mampu menyatukan orang Melayu demi kepentingan dan keselamatan masa depan, katanya.

Tengku Razaleigh juga berkata beliau akan berbincang dengan peguamnya mengenai tindakan terhadap ketua Penerangan Kebangsaan PAS Ustaz Abdul Halim Abdul Rahman berhubung dakwaan bahawa beliau hendak memasuki semula UMNO kerana tidak mempunyai wang lagi.

Ketua pemuda S46 Tengku Azlan Sultan Abu Bakar menggesa Tengku Razaleigh mengambil tindakan undang-undang pada mesyuarat hari ini. --

BERNAMA

SJA FAZ